

29 NOV 1996

Sabbaruddin-Umno (bergambar)

HARI PERTAMA SABBARUDDIN SEBAGAI S'USAHA AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik memulakan tugas sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru hari ini dengan melawat ibu pejabat parti untuk menemui kakitangannya.

Secara kebetulan, ibu pejabat parti terletak di tingkat 38 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), dua aras lebih tinggi dari pejabatnya di kementerian itu.

"Saya memang kenal ramai daripada petugas di ibu pejabat parti, kadangkala saya naik lif bersama mereka," kata beliau kepada pemberita ketika ditemui di kementerian itu.

Pelantikan beliau sebagai Setiausaha Agung menggantikan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti malam tadi.

Sabbaruddin berkata sebagai Setiausaha Agung, beliau akan memastikan pentadbiran parti berjalan baik dan cemerlang.

Katanya beliau akan mengemukakan beberapa cadangan kepada kakitangan parti dalam satu perjumpaan Isnin ini.

Ketika ditanya sama ada beliau akan membuat rombakan, Sabbaruddin berkata: "Kakitangan yang taat pada organisasi Umno mengapa perlu ditukar."

Pelantikan beliau disambut baik oleh tokoh-tokoh parti.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob yakin Sabbaruddin mampu menjalankan tugas itu dengan baik berdasarkan pengalaman luasnya sebagai menteri, ahli politik dan pegawai pentadbir.

"Sebagai seorang yang mengenali Sabbaruddin secara rapat, saya percaya Setiausaha Agung Umno merupakan jawatan yang ideal baginya," kata beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman pula menyifatkan Sabbaruddin sebagai anggota parti berpengalaman yang mampu menyambung tugas yang telah dilaksanakan oleh Mohamed.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan perlantikan Sabbaruddin sebagai satu keputusan yang tepat untuk mengukuhkan perpaduan parti.

"Seluruh ahli Umno di Johor menyokong perlantikannya," kata beliau.

Abdul Ghani, yang diumumkan sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Johor selepas mesyuarat malam tadi bagi menggantikan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berikrar untuk bekerja bersungguh-sungguh untuk kepentingan parti.

"Sebagai Pengerusi saya akan memastikan bahawa Kerajaan adalah parti dan parti adalah kerajaan," katanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata MCA menghormati keputusan Umno dan akan meneruskan hubungan mereka yang baik.-- BERNAMA

MH ZU MAI